

09/11/2001

800 pelawat kunjungi SK Kemahang Dua

SEKOLAH Harapan Negara (SHN), Sekolah Kebangsaan (SK) Kemahang Dua, dekat Jeli, Kelantan sudah menerima kira-kira 800 pelawat dari seluruh negara untuk meninjau tahap perkembangan dan kecemerlangan pendidikan di sekolah itu dalam tempoh enam bulan lalu.

Sebilangan besar pelawat itu ialah daripada kalangan pegawai dari Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), pengetua, guru besar, guru penolong kanan, guru pelatih dan pelajar sekolah.

Guru Besar SK Kemahang Dua, Ariffin Jaafar, berkata kunjungan ramai pelawat itu sekali gus membolehkan sekolah berkenaan menjadi sekolah rujukan dalam pelbagai aspek.

Selain itu, katanya, ia adalah satu penghormatan kepada SK Kemahang Dua kerana diberi peluang menjadi contoh bagi menyumbang ke arah mewujudkan persekitaran pengajaran dan pembelajaran lebih kondusif.

"Dalam tempoh sebulan kita dikunjungi sekurang-kurangnya dua rombongan pelawat dari sekolah seluruh negara sejak dipilih menerima anugerah SHN pada Mei lalu.

"Malah, kita yakin bilangan pelawat mencecah hampir 1,000 menjelang akhir tahun ini," katanya selepas meraikan rombongan seramai 70 guru besar dan guru penolong kanan dari PPD Seremban, Negeri Sembilan, ke sekolah itu, semalam.

Ariffin berkata, pihaknya mengalu-alukan setiap pelawat yang datang untuk meninjau perkembangan sekolah itu selain dapat mengeratkan hubungan silaturahim antara warga pendidik di negara ini.

SK Kemahang Dua dipilih penerima anugerah pertama SHN kategori sekolah rendah luar bandar pada tahun ini bertepatan dengan usaha yang dilakukan selama ini.

Anugerah itu disampaikan sempena sambutan Hari Guru peringkat kebangsaan yang dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di Dewan Seri Negeri, Kompleks Seri Negeri, Melaka, Mei lalu.

Sementara itu, seorang pelawat Roslan Sahsak, 36, ketika ditemui menyifatkan SK Kemahang Dua memiliki keunikan tersendiri khususnya dalam aspek keceriaan dan pendidikan.

Katanya, sebagai contoh sekolah itu membina lanskap berasaskan taman berkonsepkan seperti taman British knot, taman Perancis, taman Jepun, taman Itali, taman herba dan taman dusun.

(END)